



**AJARAN SESAT SEBAGAI ANCAMAN AKIDAH DAN SOSIAL DI  
MALAYSIA: ANALISIS FAKTOR, KESAN DAN TINDAKAN  
PENCEGAHAN**

Alya Hanan Johanizam\*<sup>1</sup>, Nur Alleya Izzati Kornain<sup>1</sup>, Nur Damia Nordin<sup>1</sup>, Nurin  
Irdina Husna Mohd Nasir<sup>1</sup> & Putri Nur Alya Dzulkifli<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Dan Perniagaan UiTM Cawangan Melaka  
78000, Alor Gajah Melaka

\* [au646@uitm.edu.my](mailto:au646@uitm.edu.my) (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v7i2.7343>

**Abstrak**

**E-JITU**

Acceptance date:  
16 July 2024

Valuation date:  
24 September 2024

Publication date:  
21 October 2024

*Fenomena ajaran sesat di Malaysia semakin membimbangkan apabila ia bukan sahaja mencemarkan imej Islam, malah turut mengancam kestabilan sosial, akidah umat Islam, dan keselamatan negara. Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor utama penyebaran ajaran sesat, menganalisis kesan terhadap individu dan masyarakat, serta mencadangkan langkah pencegahan yang berkesan. Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan kuantitatif dan kualitatif, melibatkan analisis dokumen, sorotan literatur serta tinjauan terhadap 50 responden berumur antara 18 hingga 51 tahun melalui soal selidik dalam talian. Dapatan menunjukkan bahawa media sosial menjadi medium utama penyebaran ajaran sesat, manakala kurangnya pendidikan agama dan pengaruh karismatik ketua ajaran turut menjadi faktor pendorong. Kajian ini turut mengenal pasti impak negatif ajaran sesat seperti gangguan mental, perpecahan keluarga, dan rusuhan sosial. Walaupun institusi agama memainkan peranan penting, pendidikan akidah sejak awal, pemantauan media digital serta kerjasama masyarakat adalah antara langkah utama yang dicadangkan. Kajian ini menekankan bahawa pendekatan holistik dan bersepadu diperlukan dalam membendung ajaran sesat yang semakin kompleks, khususnya di era digital yang pantas berubah.*

**Kata kunci:** *Ajaran Sesat, Akidah, Media Sosial, Pendidikan Agama & Keselamatan Sosial*

**DEVIAN'T TEACHINGS AS A THREAT TO FAITH AND SOCIAL  
STABILITY IN MALAYSIA: AN ANALYSIS OF FACTORS, IMPACTS, AND  
PREVENTIVE MEASURES**



**Abstract**

*The phenomenon of deviant teachings in Malaysia is becoming increasingly alarming, as it not only tarnishes the image of Islam but also poses a threat to social stability, the faith ('aqidah) of Muslims, and national security. This study aims to identify the main factors behind the spread of deviant teachings, analyse their impacts on individuals and society, and propose effective preventive measures. A mixed-methods approach was employed, combining quantitative and qualitative methods through document analysis, literature review, and an online survey involving 50 respondents aged between 18 and 51. The findings indicate that social media serves as the primary platform for the dissemination of deviant teachings, while a lack of religious education and the charismatic influence of cult leaders are significant contributing factors. The study also identifies several negative impacts, including mental disturbances, family breakdown, and social unrest. Although religious institutions play a vital role, early 'aqidah education, digital media monitoring, and community cooperation are among the key measures proposed. The study underscores the need for a holistic and integrated approach to curb the increasingly complex spread of deviant teachings, especially in the rapidly evolving digital age.*

**Keywords:** Deviant Teachings, Islamic Creed ('Aqidah), Social Media, Religious Education, Social Stability

**PENGENALAN**

Ajaran sesat merupakan isu besar yang susah untuk dibendung kerana telah menapak sejak zaman Nabi Muhammad SAW. Fenomena ini merujuk kepada bentuk fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar yang berlandaskan kepada Al-Quran, sunnah dan hadis, ijma ulama dan qiyas. Jika diteliti melalui istilah daripada Kamus Dewan, "sesat" adalah tidak mengikut jalan yang betul, tersalah (tersilap) jalan, terkeliru (perbuatan, kepercayaan) dan menyimpang daripada jalan yang benar (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2007). Mengikut catatan sejarah Islam, pada ketika zaman Nabi Muhammad, baginda telah menyaksikan kumpulan ajaran sesat yang telah pun murtad. Menurut Abu al-Su'ud, 11 kumpulan telah dikesan dan tiga daripadanya muncul ketika zaman Nabi Muhammad SAW. Rasulullah telah mengingatkan umat Islam bahawa golongan yang hidup berlandaskan Al-Quran dan sunnah adalah golongan yang akan selamat dunia dan akhirat dan begitu juga sebaliknya (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2007).

Menyusuri kemajuan teknologi moden yang semakin pesat, ia telah membuka peluang dan ruang kepada penyebaran maklumat tentang ajaran sesat ini. Kumpulan ajaran sesat ini menggunakan platform seperti TikTok sebagai platform untuk mereka sebarkan fahaman sesat itu. Walau bagaimanapun, banyak pihak berkuasa agama telah menggunakan platform yang sama untuk menyebarkan kebenaran kepada masyarakat melalui platform yang sama termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Persoalan utamanya, mengapa ajaran sesat ini masih diikuti oleh sesetengah masyarakat walaupun sudah banyak kesedaran telah



diberikan. Melalui penulisan ini, kita akan merungkai dan mengkaji secara terperinci beberapa isu berkaitan ajaran sesat yang kian tersebar kepada masyarakat.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

### **Pencemaran Imej Islam**

Islam mempunyai berbagai-bagai maksud yang datang daripada banyak kata akar. Antaranya termasuk kata akar 'salam' yang bermaksud aman, bahagia, tenteram dan harmoni dari segi bahasa (Wan Muhammad Wan Ibrahim, 2022). Maka boleh disimpulkan bahawa Islam itu sebuah agama yang benar dan mempunyai imej yang baik. Setelah semua kerja keras dakwah yang diturunkan oleh para nabi dan Rasulullah SAW, imej Islam semakin dipandang mulia di mata masyarakat. Namun, dengan kewujudan ajaran sesat yang semakin menyimpang akidah dan iman masyarakat khususnya mereka yang beragama Islam telah mencemarkan kesucian imej agama Islam.

Tindakan pemimpin kumpulan ajaran sesat yang melampaui batas dan bercanggah dengan kebenaran Islam membuatkan masyarakat luar yang bukan beragama Islam timbul tanggapan yang salah berkaitan Islam. Antara ciri-ciri ajaran sesat yang menyalahi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah apabila mengakui adanya rasul seterusnya selepas Nabi Muhammad SAW, menafsirkan semula rukun iman dan rukun Islam, mengetahui tentang nasib seseorang, mampu berinteraksi dengan malaikat secara langsung, mampu menanggukhi kiamat serta memiliki amalan atau ritual yang bercanggah dengan ajaran Islam (Iffa Nabilla Mohamad Kharithah & Nur Zainatul Nadra Zainol, 2024).

Ayat tersebut menegaskan bahawa tiada satu pun berkaitan dunia dan akhirat yang terlepas daripada pandangan Allah SWT untuk diberikan panduan kepada hamba-hamba-Nya di dunia. Perbuatan segelintir masyarakat yang menyebarkan ajaran sesat inilah yang menyebabkan imej Islam yang indah dipandang sinis dan menakutkan. Oleh itu, pencemaran imej Islam berpunca daripada ajaran sesat ini merupakan masalah yang perlu dibendung dengan serius untuk mengembalikan maruah agama Islam yang telah tercemar.

### **Perpecahan Sosial Dan Keluarga**

Perpecahan sosial dan keluarga akibat daripada ajaran sesat merupakan masalah yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat kerana ia dapat memberikan kesan yang mendalam secara keseluruhannya. Semuanya bermula dengan fahaman yang bercanggah dengan Islam dan timbulnya perbuatan-perbuatan yang tidak baik yang akhirnya menyebabkan ahli keluarga sendiri turut terkesan.

Ajaran sesat yang fokusnya tertumpu untuk menyimpangkan iman dan akidah seseorang akan mencetuskan konflik antara ahli keluarga. Apabila ada salah seorang ahli keluarga yang terlibat di dalam kegiatan ajaran sesat ini, ahli keluarga yang lain akan timbulnya



rasa curiga dan rasa takut. Hal ini boleh membawa kepada hilangnya kepercayaan dalam kekeluargaan dan akhirnya kepada perpecahan keluarga.

Isu ini dipandang serius apabila terdapat banyak laporan mengenai perbuatan-perbuatan ahli ajaran sesat yang memberi kesan buruk kepada ahli keluarga mereka sendiri. Pada tahun 2020, menerusi laporan Rohana Mohd. Nawi, terdapat kes di mana seorang isteri yang dipercayai terlibat dengan ajaran sesat telah membunuh bayi yang hanya berusia lapan bulan. Lebih membimbangkan lagi apabila suspek berkenaan melakukan perbuatan bunuh tersebut selepas mendengar bisikan malaikat (Rohana Mohd. Nawi, 2020).

Masalah ini tidak dapat dipandang remeh atau ia mungkin akan meninggalkan kesan yang lebih berat. Ahli keluarga yang terlibat dalam kegiatan sesat ini hanya akan menyesal pada akhirnya kerana mereka akan berhadapan dengan risiko kehilangan keluarga dan orang tersayang. Kesedaran dan pendidikan tentang ajaran sesat ini perlu diperbanyakkan supaya dapat mengurangkan kes sedemikian daripada terus berlaku.

### **Manipulasi Dan Eksploitasi Pengikut**

Merujuk kepada Kamus Dewan, manipulasi ialah segala tindakan dan selok-belok untuk memperdayakan orang atau mempengaruhi perlakuan (pendirian) orang lain tanpa disedari orang itu. Manakala eksploitasi pula bermaksud suatu tindakan menggunakan sesuatu untuk kepentingan diri sendiri. Dalam konteks ini, ketua atau pemimpin kepada sesebuah kumpulan ajaran sesat itu bertindak untuk menipu dan mempengaruhi masyarakat dengan tipu helahnya agar ada segelintir umat manusia terpedaya lalu memberikan taat setia kepada pemimpin tersebut secara mutlak. Masyarakat yang telah terpedaya ini secara tidak langsung telah menyebabkan masalah ini terus tersebar luas di dalam negara. Lantaran itulah mengapa isu ini masih lagi muncul seperti cendawan tumbuh selepas hujan di era teknologi ini.

Terdapat banyak kumpulan ajaran sesat yang telah pun berjaya diberkas di Malaysia dan begitu juga banyak yang masih lagi berjalan dengan baik. Antara kumpulan yang terkenal dan terkini ialah kumpulan Al-Arqam yang ditubuhkan oleh Ashaari Muhammad. Menurut laman rasmi Majlis Agama Islam Selangor, setelah kumpulan ini diharamkan pada tahun 1994, beberapa ahli bekas kumpulan ini telah menubuhkan syarikat besar iaitu GISB Holdings Sdn Bhd (GISB) atau dikenali sebagai Global Ikhwan.

Berdasarkan laporan yang dibuat oleh Fahmi Tajuddin di Buletin TV3 pada Oktober 2024 yang lalu, pengikut GISBH kembali aktif sekitar tahun 2017. Ali atau anak kepada pengikut aktif GISBH berkongsi bahawa anak-anak kepada pengikut GISBH ini dihantar ke madrasah yang sepenuhnya dikendalikan oleh GISBH dan menyatakan bahawa di situ berlakunya penindasan terhadap kanak-kanak dengan meminta mereka meraih sumbangan atau sedekah daripada masyarakat. Ali menambah bahawa anak-anak ahli diletakkan di rumah anak yatim dan dilabel sebagai anak asnaf bagi tujuan mencari dana kepada pemimpin kumpulan itu. Secara logiknya, bukan sahaja ibu bapa itu sendiri yang dimanipulasi malah anak-anak juga turut terlibat dalam memberikan manfaat kepada

kumpulan itu walaupun mereka bukanlah tergolong dalam pengikut (Fahmi Tajuddin, 2024).

## **SOROTAN LITERATUR**

Ramai ahli akademik dan penyelidik dari pelbagai bidang, seperti teologi, falsafah, pendidikan, sosiologi dan psikologi, telah menarik perhatian kepada kajian mengenai ajaran yang salah. Ini kerana ajaran sesat bukan sahaja boleh memberi kesan kepada cara seseorang berfikir tentang agama mereka, tetapi ia juga boleh memberi kesan negatif kepada kesejahteraan individu, pertubuhan dan masyarakat secara keseluruhannya. Bahagian ini akan membincangkan beberapa kajian dan pendapat tokoh terdahulu, serta penemuan penyelidikan semasa, untuk memberi gambaran yang lebih baik tentang fenomena ajaran sesat.

Dari perspektif Islam, ajaran sesat ialah sebarang idea atau tindakan yang bertentangan dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah. Garis Panduan Mengenali Ajaran Sesat yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) termasuk mengingkari rukun iman, menolak al-Quran atau hadis, mendakwa dirinya sebagai nabi atau imam mahdi, dan menggunakan nama Islam untuk menyembunyikan ajaran sesat.

Lebih daripada lima puluh kumpulan ajaran sesat yang dikesan beroperasi di Malaysia telah disenaraikan oleh JAKIM. Ini termasuk Ayah Pin, Qadiani, Taslim, dan Millah Abraham. Hal ini menunjukkan bahawa ajaran sesat adalah fenomena yang serius dan memerlukan perhatian daripada semua pihak, termasuk institusi pendidikan dan keluarga. Selain itu, falsafah klasik memberikan perspektif yang berguna untuk memahami bagaimana falsafah menyimpang berkembang. Salah seorang tokoh falsafah Yunani Aristotle mencipta idea silogisme, iaitu satu jenis hujah logik yang digunakan untuk menilai kebenaran sesuatu kenyataan. Hujah dalam silogisme mesti terdiri daripada dua premis logik dan mencapai kesimpulan yang boleh diterima. Selain itu, kesimpulan yang dibuat boleh menjadi salah jika premisnya tidak tepat atau pendekatan hujah yang digunakannya tidak tepat (Norafifah Ab. Hamid et al., 2024)

Imam al-Ghazali juga menghargai logik sebagai cara untuk memudahkan pemahaman ilmu dalam tradisi Islam. Dalam bukunya *Mi'yar al- 'Ilm*, beliau menyatakan bahawa logik boleh membantu dalam menyusun hujah, mengelakkan kekeliruan dan membina pemikiran yang tertib, asalkan ia tidak bertentangan dengan ajaran al-Quran dan sunnah (Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali, 2024)

Menurut Ahmad Syahir Ahamad Nzly dan Aini Raudhah Roslam (2024), dalam kajian mereka bertajuk “Sejarah Ajaran Sesat di Malaysia: Analisis Terhadap Faktor-Faktor Kemunculan dan Langkah-Langkah Menanganinya”, ajaran sesat telah wujud sejak zaman penjajahan dan telah berkembang pesat selepas merdeka atas beberapa sebab. Antaranya pendidikan agama yang lemah di peringkat akar umbi, kejahilan masyarakat tentang ajaran Islam sebenar, pengaruh pemimpin ajaran yang berwibawa, dan elemen sosial seperti tekanan hidup (Ahmad Syahir Ahamad Nzly & Aini Raudhah Roslam, 2024).

Selain itu, kajian ini menjelaskan bagaimana elemen mistik dan dakwaan luar biasa, seperti menerima wahyu atau mempunyai mukjizat sering menjadi daya tarikan kepada pengikut baharu. Mereka juga menekankan bahawa institusi agama, pihak berkuasa, dan masyarakat harus bekerjasama untuk menghalang penyebaran ajaran sesat.

Sementara itu, Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita dan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2022) dalam artikel mereka “Penyelewengan Akidah dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Satu Analisis” memberikan gambaran tentang jenis penyelewengan utama yang wujud dalam ajaran sesat. Mereka menemui kesalahan seperti mengatakan bahawa ada nabi atau rasul baharu, menolak rukun iman, dan mentafsir al-Quran secara batin tanpa pendidikan yang sah. Kajian ini meningkatkan pemahaman kita bahawa ajaran sesat bukan sahaja menyimpang dari amalan, tetapi lebih tepat lagi adalah penyimpangan akidah yang, membawa kepada kekufuran jika tidak dibendung sejak awal (Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2022).

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007) melalui kajian beliau bertajuk “Kajian Ajaran Sesat dalam Pengajian Islam: Satu Sorotan” memberikan analisis yang menyeluruh terhadap pelbagai ajaran sesat yang pernah wujud di Malaysia. Kajian ini mengkaji ajaran seperti Qadiani, Ayah Pin, dan Taslim dari perspektif sejarah, doktrin, dan kesan mereka terhadap masyarakat. Beliau menekankan kita perlulah mempunyai pemahaman yang mendalam tentang kaedah pengajian Islam untuk menghalang penyebaran fahaman yang tidak benar. Antara cara utama untuk memperkukuhkan akidah umat datang daripada pendidikan Islam yang kukuh di sekolah, masjid, dan institusi pendidikan (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2007).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Untuk mendapatkan data yang lebih menyeluruh tentang penyebaran ajaran sesat dan kesedaran masyarakat terhadapnya, kajian ini menggunakan pendekatan campuran, iaitu dengan menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah ini dipilih oleh kerana ia membolehkan kami menilai persepsi masyarakat melalui soal selidik dan menganalisis maklumat tambahan melalui kajian dokumen.

Kajian ini dibentuk adalah untuk melibatkan tinjauan dan analisis kandungan. Data kualitatif diperoleh daripada sumber sekunder seperti artikel, laporan dan laman web yang berkaitan dengan isu ajaran sesat di Malaysia, manakala data kuantitatif diperoleh daripada soal selidik.

Kaedah pengumpulan data adalah seperti berikut:

### **Soal Selidik Dalam Talian (Google Form)**

Soal selidik telah diedarkan melalui media sosial seperti WhatsApp dan Telegram. Untuk menilai tahap pengetahuan, perspektif dan sikap responden terhadap ajaran sesat, soal selidik ini menggunakan soalan tertutup dan skala Likert lima mata. Sebanyak 50 orang



responden telah memberikan jawapan kepada soal selidik ini, dengan majoriti terdiri daripada golongan belia berumur 18 hingga 25 tahun.

### **Kajian Dokumen (Desk Research)**

Kami turut mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber di internet, termasuk artikel ilmiah, laporan agensi agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), artikel akademik dari MyJurnal dan portal berita seperti Berita Harian dan Sinar Harian yang membincangkan kes ajaran sesat di Malaysia. Data kuantitatif disokong oleh data ini, dan keputusan kajian diperincikan.

### **Kajian kepustakaan**

Pengkaji merujuk kepada perspektif ulama dan ahli falsafah seperti Imam al-Ghazali dalam *Mi'yar al- 'Ilm* dan Aristotle dalam konsep silogisme. Teori ini digunakan untuk memahami bagaimana pemikiran rasional dan logik berfungsi dalam menilai ajaran agama dan menghalang ajaran yang tidak benar. Dokumen sejarah yang berkaitan dengan pemikiran Islam, serta buku dan jurnal ilmiah digunakan sebagai sumber rujukan.

Peserta yang menjawab soal selidik dalam talian "Google Form" yang disediakan adalah mereka yang mempunyai pengetahuan asas tentang agama Islam atau mereka yang pernah terdedah kepada isu yang berkaitan dengan ajaran sesat. Sebelum dimasukkan ke dalam analisis, kajian dokumen dipilih dengan teliti dan berhati-hati.

Data kualitatif dianalisis menggunakan analisis kandungan dan disusun mengikut tema utama, seperti "Ciri-ciri ajaran sesat" dan "Peranan institusi agama untuk menangani ajaran sesat." Sebaliknya, data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti peratusan dan frekuensi menggunakan Microsoft Excel.

Untuk mematuhi etika penyelidikan, setiap responden diberikan penerangan ringkas tentang objektif kajian sebelum mereka menjawab soal selidik di Google Form. Identiti dan data mereka dirahsiakan. Untuk kajian dokumen, sebaliknya, hanya sumber yang sah dan berautoriti digunakan untuk memastikan data adalah tepat.

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Perkembangan ajaran sesat di Malaysia menjadi lebih serius apabila wujudnya salah satu kumpulan ajaran sesat pada tahun 1968 iaitu Darul Al-Arqam yang diketuai oleh Ashaari Muhammad atau lebih dikenali sebagai Abuya. Kemunculan Darul Al-Arqam ini telah menimbulkan pelbagai spekulasi kerana ia merupakan satu amalan yang bercanggah dengan agama Islam. Selain daripada Darul Al-Arqam, kemunculan Ayah Pin dan Hizbullah juga menjadi satu cabaran terhadap kestabilan agama (Ahmad Syahir Ahamad Nzly & Aini Raudhah Roslam, 2024).

### **Faktor-Faktor Kewujudan Ajaran Sesat**

i. Kurang didikan agama.

Kewujudan ajaran sesat terjadi akibat daripada masyarakat yang kurang ilmu pengetahuan tentang ajaran Islam. Hal ini menyebabkan berlakunya kekeliruan agama yang mendorong kepada penyesatan (Ahmad Syahir Ahamad Nzly & Aini Raudhah Roslam, 2024).

ii. Pengaruh Ketua Ajaran Sesat.

Pemimpin ajaran sesat seperti Abuya dan Ayah Pin mempunyai kuasa mempengaruhi yang kuat untuk mempengaruhi pengikut mereka dengan menggunakan psikologi dan amalan mistik. Sebagai contoh, kemunculan Global Ikhwan Sdn Bhd (GISB) Holdings yang berasal daripada Darul Al-Arqam telah menjadi satu perbualan hangat di media sosial pada masa kini. Ahli-ahli GISB menggunakan pantun dan seloka untuk memuji pengasas mereka iaitu Ashaari Muhammad atau Abuya. Pantun dan seloka itu mengandungi ayat-ayat yang menunjukkan kepercayaan mereka bahawa Abuya akan hidup semula walaupun sudah meninggal dunia. Para ulama di Malaysia menganggap perbuatan ini berlebihan kerana amalan ini seperti mengagungkan Abuya. GISB Holdings telah membuktikan bahawa pengaruh Abuya boleh menjadi sesuatu yang serius sehingga gerakan tersebut dianggap ajaran sesat walaupun telah meninggal dunia (Ahmad Syahir Ahamad Nzly & Aini Raudhah Roslam, 2024).

iii. Pengaruh Media Sosial.

Pada era teknologi kini, ajaran sesat lebih mudah disebarkan melalui internet dan platform media massa seperti Facebook, Instagram, dan sebagainya. Pemimpin-pemimpin ajaran sesat menggunakan peluang ini untuk mempengaruhi masyarakat tanpa pengetahuan pihak berkuasa sekaligus menjadikan penyebaran amalan ajaran sesat ini lebih sukar untuk dibendung (Ahmad Syahir Ahamad Nzly & Aini Raudhah Roslam, 2024).

### **Kesan-Kesan Kewujudan Ajaran Sesat**

i. Kesan Terhadap Individu.

Kesan ajaran sesat terhadap individu yang pertama ialah merosakkan akidah dan melemahkan iman (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Hal ini kerana, ajaran sesat menyebabkan seseorang itu terjerumus terhadap perkara yang akan membawa kepada kekufuran dan syirik. Syirik merupakan salah satu dosa yang tidak akan diampunkan oleh Allah SWT (Majlis Agama Islam Selangor, 2015). Allah SWT telah berfirman di dalam Al-Quran, yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekutukannya dengan sesuatu (apa jua), dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik)

itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut peraturan hukum-hukumNya); dan sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu (apa jua), maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.” (Surah An-Nisa; 4: 48)

Selain itu, individu yang terlibat juga akan mengalami masalah tekanan mental dan rasa terancam. Menurut Ketua Unit Akidah, Institut Kajian Hadis & Akidah (INHAD), Universiti Islam Selangor, Dr Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah berkata, individu yang sudah terjerat dengan ajaran sesat akan mengalami tekanan psikologi yang akan merosakkan mental mereka secara mendalam. Mereka akan dimanipulasikan dengan cara yang dipanggil “cuci otak”. Para pengikut diberikan maklumat palsu dan sesat yang sama berulang kali sehingga menyukarkan mereka untuk membezakan fakta yang sahih atau palsu sehingga mereka menganggap bahawa ajaran itu adalah benar. Kumpulan ajaran sesat juga akan menakut-nakutkan dan mengugut pengikut mereka sekiranya mereka meninggalkan kumpulan tersebut. Hal ini telah menimbulkan kebimbangan yang melampau terhadap seseorang individu (Balkish Awang, 2024).

ii. Kesan Terhadap Keluarga Dan Masyarakat.

Ajaran sesat akan menyebabkan berlakunya perpecahan dalam keluarga dan masyarakat. Hal ini terjadi kerana timbulnya kepercayaan akidah yang berbeza bagi setiap individu sehingga menggugat keamanan masyarakat dan perpaduan kaum. Mereka tidak menghormati sesama ahli keluarga serta masyarakat sekeliling kerana terlalu taksud dengan pemimpin kumpulan mereka dan menganggap bahawa mereka sahaja yang benar (Majlis Agama Islam Selangor, 2015). Kewujudan ajaran sesat ini telah membentuk individu di dalam sesebuah masyarakat menjadi seorang yang bersikap agresif dan kasar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Kejadian ini menyebabkan sesebuah institusi keluarga dan masyarakat hidup berpuk-puk sehingga memecahbelahkan keamanan serta merosakkan bangsa dan agama. Para pengikut merasakan bahawa hanya mereka yang berada di jalan yang benar sehingga mewujudkan perbalahan, perasaan benci membenci dan pembunuhan yang menyebabkan terputusnya hubungan silaturrahim sesama umat Islam (Majlis Agama Islam Selangor, 2015). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): Mahukah Kami khabarkan kepada kamu akan orang-orang yang paling rugi amal-amal perbuatannya? (Iaitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang dilakukan oleh mereka.” (Surah Al-Kahfi; 18:103-104).

iii. Kesan Terhadap Negara.

Ajaran sesat telah memberikan ancaman terhadap keselamatan negara. Keamanan politik dan ekonomi negara juga akan terjejas apabila berlakunya sebarang aktiviti keganasan sehingga berlaku pertumpahan darah. Hal ini akan mengganggu kestabilan negara dan keharmonian masyarakat (Majlis Agama Islam Selangor, 2015). Sebagai contoh, satu peristiwa serangan dan pencerobohan terbesar yang berlaku pada tahun 2000 iaitu



dipanggil sebagai Insiden Sauk. Satu kumpulan ajaran sesat yang dikenali sebagai Al-Ma'unah telah mencerooh dan mencuri senjata api dari kem tentera di Gerik sehingga berlakunya pertumpahan darah dimana dua anggota keselamatan terkorban. Tragedi ini dianggap sebagai peristiwa terbesar terhadap negara selepas negara mencapai kemerdekaan (Sinar Harian, 2020).

### **Langkah-Langkah Menangani Ajaran Sesat.**

#### **i. Peranan Individu.**

Setiap umat Islam hendaklah menuntut ilmu kerana ilmu merupakan pelita hidup bagi setiap individu. Menuntut ilmu juga merupakan ibadah fardhu ain yang sangat dituntut dalam Islam terutamanya ilmu-ilmu yang berkaitan kepercayaan dan pengamalan Islam. Apabila ilmu sudah di dada, individu akan lebih memahami dan dapat memberikan kesedaran kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat bahawa ajaran sesat adalah satu ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar (Majlis Agama Islam Selangor, 2015). Sebuah ungkapan yang dikatakan oleh Imam Syafie:

“Sesiapa yang inginkan dunia hendaklah dia mempunyai ilmu, sesiapa yang inginkan akhirat hendaklah dia mempunyai ilmu dan sesiapa yang inginkan kedua-duanya maka hendaklah dia berilmu.”

#### **ii. Peranan Keluarga Dan Masyarakat.**

Keluarga memainkan peranan yang sangat penting dalam sesebuah masyarakat. Keluarga yang harmoni akan membentuk masyarakat yang harmoni. Dalam institusi keluarga, ibu bapa merupakan “role model” yang sangat penting dalam mendidik anak-anak mereka sejak dari kecil. Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Mereka bertanggungjawab mendidik anak mereka dengan ilmu akidah, syariah dan akhlak di dalam Islam (Majlis Agama Islam Selangor, 2015).


#### **iii. Peranan Kerajaan Dan Institusi Agama.**

Kerajaan memainkan peranan penting dalam menangani isu ajaran sesat melalui pindaan undang-undang jenayah syariah. Menurut Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Profesor Dr Engku Ahmad Zaki Engku Alwi berkata, hukuman untuk kumpulan ajaran sesat adalah penjara maksimum 3 tahun, denda sebanyak RM 5,000 dan sebatan sebanyak 6 kali seperti yang telah termaktub di dalam Akta 355. Beliau mencadangkan peruntukan terhadap undang-undang syariah ini dapat dikuatkuasakan lagi oleh pihak kerajaan. Institusi agama seperti Jabatan Agama bagi setiap negeri hendaklah ditubuhkan dengan lebih banyak bertujuan untuk membanteras ajaran sesat, menjaga kesucian Islam serta memelihara keharmonian dan kesejahteraan negara (Nuratikah Athilya Hassan, 2024).

## DAPATAN DAN CADANGAN


Kami telah mengumpulkan data berkaitan kajian kes kami iaitu ajaran sesat melalui platform “Google Form”. Kami berjaya mengumpul seramai 50 orang responden yang terdiri daripada lingkungan umur 18 tahun sehingga 51 tahun ke atas. Berikut merupakan dapatan yang telah kami peroleh:

Rajah 1 menunjukkan sumber maklumat yang memperkenalkan masyarakat kepada ajaran sesat.



Daripada dapatan yang diperolehi daripada 50 orang responden, didapati bahawa media sosial merupakan sumber utama masyarakat mengenali ajaran sesat, dengan 92% responden memilih platform ini. Ini menunjukkan penyebaran ajaran sesat kini lebih tertumpu kepada saluran digital dan mudah diakses, khususnya oleh golongan muda.

Seterusnya, terdapat dua pilihan yang mencatat jumlah yang sama tinggi, iaitu 50% responden memilih ceramah agama atau masjid dan televisyen atau akhbar. Ini membuktikan bahawa masjid masih memainkan peranan dalam mendidik masyarakat, manakala media massa kekal relevan, terutama bagi golongan kurang terdedah kepada media sosial.



Selain itu, 46% responden memilih sekolah atau institusi pendidikan sebagai sumber maklumat yang memperkenalkan mereka kepada ajaran sesat. Manakala rakan atau keluarga mencatat pilihan paling rendah, iaitu 42%, menunjukkan isu ini kurang dibincangkan secara terbuka dalam kalangan keluarga dan rakan terdekat.

Berdasarkan daripada dapatan kami, didapati bahawa kurangnya ilmu agama merupakan faktor paling utama yang mendorong kepada penyebaran ajaran sesat, dengan 90%

responden memilih jawapan ini. Hal ini menunjukkan bahawa individu yang tidak mempunyai asas pengetahuan agama yang kukuh lebih mudah terpengaruh dengan fahaman yang menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar.

Diikuti dengan itu, sebanyak 52% responden memilih krisis identiti atau spiritual, manakala 48% responden memilih pengaruh media sosial. Kedua-dua faktor ini menunjukkan bahawa golongan yang mengalami kekeliruan arah hidup atau mencari jawapan rohani lebih terdedah kepada fahaman sesat, terutamanya apabila mereka menjumpainya melalui kandungan digital yang tidak di semak kesahihannya.

Selain itu, 34% responden menyatakan bahawa karisma pemimpin ajaran sesat turut menjadi punca pengaruh yang besar. Ini kerana pemimpin yang petah berkata-kata, berpenampilan seperti tokoh agama, dan pandai memanipulasi emosi pengikut mampu menimbulkan rasa kagum dan taksuf.


Manakala tekanan hidup atau kewangan mencatat peratusan paling rendah, iaitu 18% responden, menunjukkan bahawa faktor ini kurang berpengaruh berbanding faktor pendidikan dan kerohanian.

Berdasarkan responden kami, didapati bahawa institusi agama merupakan pihak yang paling banyak dipilih sebagai pihak yang berperanan membendung ajaran sesat, dengan 26% responden memilih jawapan ini. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat masih melihat institusi seperti JAKIM, jabatan mufti, dan masjid memainkan peranan penting dalam menangani isu ini.

Selain itu, sebanyak 24% responden memilih ibu bapa atau keluarga, manakala 20% lagi memilih individu sendiri. Ini mencerminkan kesedaran bahawa tanggungjawab dalam membendung ajaran sesat bukan sahaja terletak kepada institusi, tetapi juga perlu bermula dari rumah dan individu itu sendiri. Ibu bapa berperanan memberikan didikan agama awal kepada anak-anak, manakala individu pula bertanggungjawab untuk menilai dan menolak apa sahaja fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Pilihan yang seterusnya ialah masyarakat umum dan kerajaan, masing-masing mencatat 12% responden. Ini menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua pihak ini mempunyai kuasa dan pengaruh yang besar, mereka hanya dianggap berperanan selepas institusi agama dan keluarga.

Pilihan paling rendah ialah guru atau pendidik, dengan hanya 6% responden memilih jawapan ini. Kemungkinan besar, ini disebabkan oleh kurangnya penekanan terhadap isu ajaran sesat dalam sistem pendidikan, atau kerana peranan guru dianggap lebih bersifat umum dan tidak tertumpu secara langsung kepada hal berkaitan akidah.



Rajah 4 menunjukkan langkah-langkah untuk membendung ajaran sesat.

Untuk dapatan ini, kami dapati bahawa pendidikan agama yang mantap merupakan langkah yang paling berkesan untuk membendung ajaran sesat, dengan 72% responden memilih jawapan ini. Ini menunjukkan bahawa responden percaya bahawa ilmu agama yang kukuh mampu menjadi asas penting dalam mengelakkan seseorang individu itu terpengaruh dengan ajaran yang sesat dan tidak selari dengan ajaran Islam.

Diikuti dengan itu, 58% responden memilih ceramah dan kempen kesedaran, manakala 50% bersetuju bahawa hukuman yang lebih berat terhadap kumpulan ajaran sesat juga perlu dilaksanakan. Kedua-dua langkah ini menunjukkan bahawa selain memberikan pendidikan agama yang kukuh, masyarakat juga menganggap ceramah kesedaran dan hukuman yang tegas sebagai langkah yang penting. Ceramah atau kempen dapat membuka mata masyarakat tentang bahaya ajaran sesat, manakala hukuman pula bertindak sebagai amaran agar kegiatan sesat tidak berleluasa.

Seterusnya, sebanyak 48% responden mencadangkan supaya media sosial dipantau secara lebih aktif kerana platform ini sering digunakan untuk menyebarkan ajaran sesat secara senyap dan meluas, terutamanya kepada golongan muda. Dalam masa yang sama, 46% responden memilih agar individu yang pernah terlibat dengan ajaran sesat ini diberikan sokongan psikologi. Ini dilakukan agar dapat membantu mereka keluar daripada pengaruh tersebut secara berperingkat dan pulih dari segi mental dan emosi. Walaupun kedua-dua langkah ini mendapat peratusan yang lebih rendah berbanding pendidikan dan hukuman, ia tetap penting dalam usaha pencegahan dan pemulihan secara menyeluruh.

### **Ajaran Sesat Muncul Dalam Pelbagai Bentuk Baru**

Kajian mendapati bahawa ajaran sesat pada masa kini berkembang makin licik berbanding dahulu. Mereka tidak lagi menunjukkan diri mereka secara terang-terangan tetapi menyamar dalam pelbagai bentuk termasuk motivasi, forum kebajikan, kelas pengajian agama hakikat, serta kursus pembangunan diri yang kelihatan sah dan profesional. Oleh itu, ini menyukarkan lagi pihak berkuasa dan masyarakat untuk mencari dan mengenal pasti sebenar mereka. Pendekatan ini membuktikan bahawa golongan ajaran sesat semakin bijak menyesuaikan diri dengan persekitaran dan teknologi semasa



seperti media sosial dan juga memudahkan penyebaran ajaran secara halus dan sistematik tanpa dikesan awal (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015).

i. Pengaruh Pemimpin Karismatik

Pemimpin ajaran sesat biasanya petah bercakap dan mempunyai pengaruh kuat terhadap pengikut. Mereka sering meyakinkan masyarakat bahawa mereka mempunyai ilmu yang luar biasa atau mendapat ilham secara ghaib. Kepercayaan pengikut terhadap mereka menjadi faktor utama ajaran itu tersebar (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015).

ii. Kelemahan Pendidikan Agama dan Tekanan Hidup

Ramai yang terjebak dalam ajaran sesat sebenarnya datang dari latar belakang yang kurang pendedahan agama. Dalam masa yang sama, mereka juga berkemungkinan berdepan dengan masalah hidup seperti tekanan emosi, konflik keluarga atau masalah kewangan. Apabila ada ‘kumpulan’ yang datang menawarkan penyelesaian cepat atau jawapan kepada kekosongan jiwa mereka, tidak hairanlah mereka mudah terpengaruh. Ajaran sesat pandai memanipulasi keadaan ini untuk menarik lebih ramai pengikut (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015)

iii. Penguatkuasaan Masih Lemah, Kesedaran Masyarakat Rendah

Gerakan ajaran sesat kini lebih banyak bergerak dalam talian iaitu melalui media sosial, mesej peribadi atau kumpulan tertutup dimana ia menyukarkan lagi pihak berkuasa untuk mengesan. Malangnya, ramai dalam kalangan masyarakat pun masih belum tahu bagaimana hendak mengenal pasti atau melaporkan aktiviti seperti ini. Ada juga yang rasa ia bukan urusan mereka. Disebabkan itulah, ajaran sesat boleh terus berkembang tanpa gangguan, terutamanya bila tidak ada pemantauan yang rapi (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015).

## **CADANGAN**

### **Pendidikan Agama Perlu Lebih Fokus kepada Akidah**

Dalam dunia yang penuh dengan pelbagai aliran pemikiran hari ini, kita perlu kembali kepada asas paling utama iaitu akidah. Pendidikan agama yang kita beri kepada anak-anak sepatutnya tidak hanya fokus kepada ritual semata-mata, tetapi perlu benar-benar menanam kefahaman tentang kepercayaan yang sebenar dalam Islam. Akidah ialah benteng pertama yang akan melindungi umat Islam daripada terpengaruh dengan ajaran yang menyimpang. Bayangkan jika pelajar kita didedahkan kepada contoh ajaran sesat yang pernah timbul di Malaysia dimana lengkap dengan sejarah, cara mereka merekrut pengikut, dan bagaimana mereka menyalahgunakan agama. Ini bukan untuk menakutkan, tetapi untuk membina keupayaan berfikir secara kritikal. Mereka boleh belajar bagaimana membezakan mana yang betul dan mana yang salah. Guru juga perlu dibekalkan latihan supaya mampu menyampaikan ilmu ini dengan cara yang menarik dan relevan dengan cabaran semasa.



### **Pantau Media Sosial Secara Aktif**

Pada zaman sekarang, semua ada di hujung jari. Begitu juga dengan ajaran sesat. Dengan hanya satu video,, pemikiran songsang boleh tersebar kepada ribuan orang dalam sekelip mata. Sebab itu kita perlukan satu pasukan khas, contohnya di bawah JAKIM atau SKMM. Dimana ianya fokus untuk pantau kandungan ajaran sesat dalam media sosial. Pasukan ini bukan sekadar perlu tahu agama, tapi juga celik teknologi. Mereka perlu bekerjasama dengan platform besar seperti Facebook, TikTok, dan Instagram untuk pastikan kandungan berbahaya ini dapat disekat segera. Dan yang penting juga, kita jangan hanya bertindak apabila dah tersebar luas. Malah kita kena lebih proaktif. Jalankan kempen kesedaran secara dalam talian untuk beri pencerahan kepada masyarakat. Dalam dunia digital ini, mempertahankan akidah juga perlu digital

### **Sediakan Saluran Aduan Yang Mudah dan Mesra**

Kadangkala kita nampak sesuatu yang mencurigakan , mungkin ceramah agama yang pelik, atau seseorang mula bercakap tentang “ajaran rahsia” yang tak pernah kita dengar. Namun begitu, masih ada lagi pihak yang tidak tahu untuk melaporkan perkara tersebut dimana. Walaupun terdapat saluran aduan, tetapi ada juga saluran aduan yang terlalu formal atau tidak mesra pengguna. Oleh itu, solusi untuk isu di atas adalah dengan menyediakan aplikasi mudah di telefon yang membolehkan masyarakat membuat laporan dengan cepat, ataupun talian hotline yang beroperasi 24 jam dengan staf terlatih untuk mendengar tanpa menghakimi. Malah, imam, guru, atau ketua kampung juga perlu diberi latihan tentang cara mengenal pasti ajaran sesat dan berkomunikasi dengan baik. Tujuannya untuk meningkatkan kesedaran masyarakat. Paling penting sekali, semua orang perlulah rasa bahawa mereka mempunyai peranan dan tahu ke mana mereka mahu pergi jika ada masalah.

### **Program Bantuan untuk Bekas Pengikut Ajaran Sesat**

Kita sering bercakap tentang bagaimana untuk mencegah ajaran sesat, tapi bagaimana pula dengan mereka yang sudah terjebak dan ingin kembali kepada masyarakat atau pergi jauh dari ajaran sesat yang mereka sudah terjebak? Ramai antara mereka berasa malu, bersalah, malah ada yang kehilangan sokongan daripada keluarga dan rakan sendiri. Mereka bukan sahaja memerlukan teguran sahaja, tetapi kita juga perlu memberi bantuan menyeluruh. Sesi kaunseling, bimbingan agama, dan juga perlu bantu mereka bangunkan semula harga diri. Dimana mungkin dengan memberi peluang belajar semula, kemahiran baharu, atau memulakan perniagaan kecil. Apabila mereka rasa diterima, lebih mudah untuk mereka kembali ke jalan yang benar dan terus maju.

### **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa ajaran sesat masih menjadi ancaman yang serius dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Ajaran sesat yang kini muncul dalam pelbagai bentuk seperti di dalam program motivasi, kelas agama palsu, dan aktiviti kebajikan yang cuba menyamar sebagai usaha dakwah. Selain itu, media sosial juga telah

menjadi saluran utama dalam memudahkan penyebaran fahaman sesat ini kepada orang ramai, terutamanya golongan muda.

Antara faktor utama yang mendorong kepada penyebaran ajaran sesat ialah kekurangan pendidikan agama, pengaruh pemimpin yang karismatik, pengaruh media sosial, kelemahan dari segi penguatkuasaan, dan juga tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah. Kesannya, ajaran sesat ini boleh merosakkan akidah individu, memecahbelahkan keluarga dan masyarakat, serta mencemarkan nama negara.

Oleh itu, beberapa solusi telah dicadangkan bagi menangani masalah ini, antaranya ialah memperkukuh pendidikan akidah di sekolah dan institusi pengajian tinggi, memperketat pemantauan kandungan di media sosial, menyediakan saluran aduan yang memudahkan pihak pengguna menghubungi, serta memberi bantuan dan sokongan kepada bekas pengikut ajaran sesat agar mereka dapat kembali semula ke jalan yang lurus.

Akhir sekali, kami berharap agar semua pihak termasuk individu, keluarga, masyarakat, institusi agama serta pihak berkuasa dapat bekerjasama untuk membanteras ajaran sesat secara berkesan.

## RUJUKAN

- Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali. (2024). The standard of knowledge (Mi'yar al-'Ilm). The Royal Islamic Strategic Studies Centre. [https://rissc.jo/wpcontent/uploads/2024/09/Miyar\\_Ghazali\\_28.08.24\\_Web\\_LR.pdf](https://rissc.jo/wpcontent/uploads/2024/09/Miyar_Ghazali_28.08.24_Web_LR.pdf).
- Ahmad Syahir Ahamad Nzly, & Aini Raudhah Roslam. (2024). Sejarah ajaran sesat di Malaysia: Analisis terhadap faktor-faktor kemunculan dan langkah-langkah menangani. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 2, 132–143. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2024.2.9>
- Balkish Awang. (2024, September 25). Ajaran ekstrem perangkap individu dengan manipulasi psikologi. *BERNAMA*. <https://www.bernama.com/bm/bfokus/news.php?semasa&id=2344075>
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2007). Ajaran sesat: Mengenali jalan yang terpesong. *PTS Islamika*. [https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=5N2JYa98BVoC&oi=fnd&pg=PR5&dq=ajaran+sesat&ots=bBSD-E\\_ade&sig=nk8\\_dw66gOjrWw\\_EIA4OQKf1sho&redir\\_esc=y#v=onepage&q=ajaran%20sesat&f=false](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=5N2JYa98BVoC&oi=fnd&pg=PR5&dq=ajaran+sesat&ots=bBSD-E_ade&sig=nk8_dw66gOjrWw_EIA4OQKf1sho&redir_esc=y#v=onepage&q=ajaran%20sesat&f=false)
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2007). Kajian ajaran sesat dalam pengajian Islam: Satu sorotan. *Jurnal Usuluddin*. <https://mojem.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/5411/3192>
- Fahmi Tajuddin. (2024, October 4). Ajaran sesat terus berevolusi dalam GISBH. *Buletin TV3*. <https://www.buletintv3.my/nasional/eksklusif-ajaran-sesat-terus-berevolusi-dalam-gisbh-bekas-ahli/?utm>
- Iffa Nabilla Mohamad Kharithah, & Nur Zainatul Nadra Zainol. (2024, December 15). Ajaran sesat Si Hulk: Ancaman kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di



Malaysia. Journal of Quranic Sciences and Research, 5(2), 27–37.  
<https://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/jqsr/article/view/18303>

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Diskusi isu akidah dan pemikiran semasa. [https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/diskusi\\_isu\\_akidah\\_dan\\_pemikiran\\_semasa1.pdf](https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/diskusi_isu_akidah_dan_pemikiran_semasa1.pdf)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Pelan strategik JAKIM 2015–2019. <https://www.islam.gov.my/images/documents/Pelan%20Strategik%20Jakim%202015-%202019%20-%20Publish.pdf>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016). Jurnal Penyelidikan Islam, 28. [https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/JURNAL\\_PENYELIDIKAN\\_ISLAM\\_BIL\\_28\\_2016.pdf](https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/JURNAL_PENYELIDIKAN_ISLAM_BIL_28_2016.pdf)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 4 (KSSM ed.).
- Majlis Agama Islam Selangor. (2015). Ajaran sesat: Merungkai kekusutan & kecelaruan. <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/AJARAN-SESAT-MERUNGKAI-KEKUSUTAN-DAN-KECELARUAN.pdf>
- Mohamad Athir Bin Ismail. (2024, October 4). Gerakan GISBH menyimpang dari akidah. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/gerakan-gisbh-menyimpang-dari-akidah/>
- Norafifah Ab. Hamid, Noor Aziera Mohammad Rohana, & Mohd Faizal P. Rameli. (2024). Modul falsafah & isu semasa: Rujukan mahasiswa pengajian tinggi. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Nor Syamira Liana Nor Ashaha. (2024, September 18). 12 kumpulan ajaran sesat. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/686157/berita/nasional/12-kumpulan-ajaran-sesat?utm>
- Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita, & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2022, August 30). Penyelewengan akidah dalam ajaran sesat di Malaysia: Satu analisis [Perversion of faith heresy in Malaysia: A review]. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 23(2), 197–206. <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.2.677>
- Nuratikah Athilya Hassan. (2024, October 25). Pinda undang-undang jenayah syariah banteras ajaran sesat. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/692962/berita/nasional/video-pinda-undang-undang-jenayah-syariah-banteras-ajaran-sesat>
- Rohana Mohd. Nawi. (2020, October 15). Isteri suspek kes bunuh anak juga terpengaruh ajaran sesat. Kosmo. <https://www.kosmo.com.my/2020/10/15/isteri-suspek-kes-bunuh-anak-juga-terpengaruh-ajaran-sesat/?utm%20%E2%80%83>
- Sinar Harian. (2020, March 14). Al-Maunah tewas di Bukit Jenalik. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/73757/berita/jenayah/al-maunah-tewas-di-bukit-jenalik>
- Wan Muhammad Wan Ibrahim. (2022, June 29). Apa itu Islam? – Panduan mudah dakwah non-Muslim IKRAM. Pertubuhan IKRAM Malaysia. <https://ikram.org.my/apa-itu-islam-panduan-mudah-dakwah-non-muslim/>